

04 FEB 1999

Mahkamah-Perhimpunan

KUMPULAN BERHIMPUN MELAUNGKAN PERKATAAN "REFORMASI", KATA SAKSI

KUALA LUMPUR, 4 Feb (Bernama) -- Perbicaraan hari pertama kes perhimpunan haram hari ini diberitahu terdapat sekumpulan orang berhimpun di Jalan Tuanku Abdul Rahman pada Oktober tahun lepas sambil memegang sepanduk dan melaungkan perkataan "reformasi, bebas Anwar dan undur Mahathir".

Bekas Ketua Polis Daerah Dang Wangi, SAC II Zainal Abidin Ali, 55, berkata pada awalnya beliau tidak mengeluarkan sebarang arahan untuk bertindak terhadap kumpulan itu kerana mereka tidak melakukan apa-apa.

Bagaimanapun, Zainal Abidin memberitahu Mahkamah Majistret bahawa beliau kemudian mengeluarkan arahan kepada seorang anggotanya untuk menahan seorang wanita yang sedang menari di atas jalan raya dan melaungkan perkataan "reformasi" di kawasan bangunan Sogo.

Beliau berkata keadaan suasana tenang di situ menjadi tidak terkawal apabila laung-laungan dan tarian wanita itu mendapat sambutan hangat daripada sekumpulan kira-kira tiga atau empat ribu orang, yang beliau percaya menyokong tindakan wanita itu.

"Keadaan ini telah menyebabkan lalu-lintas yang sebelum ini berjalan lancar di sepanjang jalan tersebut khususnya di hadapan bangunan Sogo tersekat kerana ramai berada di atas jalan raya itu," katanya.

Zainal Abidin berkata kumpulan itu terus berhimpun dan bersorak apabila wanita itu yang kemudiannya dicamkan sebagai salah seorang tertuduh dalam kes itu iaitu Azirah Meran, 21, seorang kerani bank ditahan.

Beliau berkata demikian pada perbicaraan kes 126 orang yang dituduh mengingkari perintah bersurai yang dibuatnya (Zainal Abidin) pada satu perhimpunan haram Oktober tahun lalu.

Enam puluh empat daripada mereka dituduh melakukan kesalahan itu di persimpangan Jalan Raja dengan Jalan Lebuhraya Pasar di sini antara 9.30 dan 10.30 malam, 17 Okt lepas.

Seramai 62 orang lagi didakwa melakukan kesalahan yang sama di antara bangunan Pertama Kompleks di Jalan Tuanku Abdul Rahman ke persimpangan Jalan Tuanku Abdul Rahman dengan Jalan Tun Perak antara pukul 3.10 petang dan 9.30 malam hari yang sama.

Kedua-dua kumpulan itu juga menghadapi tuduhan pilihan iaitu menghadiri satu perhimpunan haram.

Jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum mengikut Seksyen 27 (8) Akta Polis yang membawa hukuman maksimum penjara setahun atau denda antara RM2,000 dan RM10,000 atau kedua-duanya sekali.

Zainal Abidin berkata tindakan wanita itu yang juga kelihatan memakai satu baju yang dibuat daripada kertas dan mempunyai beberapa tulisan yang beliau tidak ingat, keluar daripada satu kumpulan yang berada di hadapan bangunan Sogo.

Menurutnya tindakan wanita itu menyebabkan keadaan di situ menjadi tidak terkawal mengganggu keamanan apabila sorakan kumpulan berkenaan bertambah lantang dan berterusan.

Beliau berkata kira-kira 6 petang, kumpulan itu beramai-ramai menuju ke arah Dataran Merdeka dan beliau diberitahu bahawa mereka hendak menuju ke Masjid Negara untuk solat Maghrib.

Zainal Abidin berkata beliau kemudian mendapati terdapat satu kumpulan seramai kira-kira seribu orang di sekitar Jalan Raja Laut dan Jalan Tun Perak yang mulanya berdiam diri, berubah kemudiannya apabila mereka juga melaung-laungkan perkataan antaranya "reformasi" dan "bebas Anwar".

Katanya beliau menasihatkan kumpulan itu sebanyak dua kali menggunakan alat pembesar suara, supaya beredar dari kawasan itu memandangkan mereka tidak mempunyai lesen untuk mengadakan perhimpunan, tetapi enggan berbuat demikian.

Zainal berkata beliau kemudiannya memerintahkan mereka bersurai di tempat itu dan memberi amaran bahawa kekerasan akan digunakan untuk menyuraikan mereka jika terus berdegil.

"Saya beri masa lebih kurang lima minit, barulah saya arahkan unit "meriam air" dan FRU untuk menyuraikan kumpulan itu dengan pancutan air."

Katanya, selepas itu kumpulan tersebut berpecah dan terus meninggalkan tempat berkenaan tetapi masih mendapati ada satu lagi kumpulan berada di persimpangan Jalan Raja dan Lebuhraya Pasar Besar selepas waktu Isyak.

"Saya beri amaran yang sama seperti adi, setelah beri dua amaran untuk bersurai, kumpulan itu enggan bersurai, saya memerintahkan anggota polis menyuraikan kumpulan itu," katanya.

Zainal Abidin berkata selepas itu dia memberi arahan kepada anggotanya untuk menangkap sesiapa yang enggan bersurai.

Perbicaraan di hadapan Majistret Kamarulzaman Abdul Rahman disambung esok.

-- BERNAMA

JA LAT